

Newspaper	Berita Harian
Date	3 August 2015

PM arah tangani fitnah media sosial

BH - 3/8/2015

» Penguatkuasaan undang-undang perlu diperkemas

Oleh Mohd Hamizar Hamid
mizar@bh.com.my

✦ Kuala Kubu Bharu

Datuk Seri Najib Razak mengarahkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) meningkatkan penguatkuasaan dan memperkemas undang-undang bagi menangani fitnah yang banyak tersebar menerusi media sosial.

Perdana Menteri berkata, jika dibiarkan serangan fitnah menerusi laman media sosial hanya akan mengubah paradigma pemikiran rakyat.

Bukan kebebasan mutlak
"Bukan kita tidak mahukan kebebasan, tetapi kita cuma tidak mahu kebebasan mutlak sehingga perkara yang tidak benar dianggap sebagai benar dan diterima.

"Ini tidak adil. Kita kena bertukar," katanya ketika meras-

mikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Hulu Selangor di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor, Datuk Seri Noh Omar dan Ketua UMNO Bahagian Hulu Selangor, Mat Nadzari Ahmad Dahlan.

Najib yang juga Presiden UMNO turut mengingatkan semua ahli parti untuk memikirkan strategi bagi berdepan serangan alam maya.

"Kita nak parti kita buat per-

siapan. Memang ada yang mengatakan jika pilihan raya esok, kita akan kalah. Bagaimanapun esok bukan pilihan raya.

"Kita jangan syok sendiri. Macam dulu saya pernah diberikan graf 'cantik' dan yakin BN (Barisan Nasional) boleh menang, tetapi sebaliknya.

"Ia bukan mengenai 'input' tetapi paling penting adalah 'outcome'," katanya.

Sementara itu, Najib keputusannya merombak Kabinet baru-baru ini tidak lain bertujuan membentuk pasukan Menteri yang padu.

"Kabinet perlu solid (padu), barulah kita boleh laksanakan pelbagai program untuk negara. Saya akan pastikan Kabinet baharu ini 'deliver' (berkhidmat sepenuhnya)," katanya.

Pada majlis sama Najib turut melancarkan Koperasi Wanita Maju Hulu Selangor Berhad.